



SOALAN-SOALAN LAZIM
Pembiayaan Pelancongan PENJANA

1. Apakah Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing, PTF)?

- Kemudahan PTF diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membantu sektor pelancongan. Kemudahan ini bertujuan untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro Malaysia dalam sektor pelancongan, dengan membantu mereka mengekalkan keupayaan dan membuat penyesuaian serta terus berdaya maju selepas COVID-19.
- PKS dan perusahaan mikro yang layak masing-masing boleh memohon pembiayaan hingga RM75,000 dan RM500,000 pada kadar pembiayaan hingga 3.5% setahun bagi tempoh pembiayaan hingga 7 tahun. (Nota: Had pembiayaan kolektif akan dikenakan kepada PKS dan perusahaan mikro yang mempunyai pemegang saham bersama yang setara atau lebih daripada 20%).

2. Siapakah yang layak memohon Kemudahan PTF?

- PKS Malaysia dalam sektor pelancongan teras dan berkaitan pelancongan, sama ada PKS menurut takrifan SME Corp. Malaysia; atau perusahaan mikro yang dilesenkan oleh/berdaftar dengan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC) layak memohon Kemudahan PTF.

- Sektor-sektor pelancongan yang terlibat adalah seperti yang berikut:

Pelancongan teras:

1. Premis penginapan pelancongan (seperti hotel bajet, inap desa (*homestay*) berdaftar, chalet dan rumah peranginan)
2. Agensi pelancongan dan operator pelancongan
3. Pengangkutan untuk pelancong (seperti operator bas, bot dan kereta sewa)

Sektor berkaitan pelancongan:

1. Pelancongan perubatan
2. Ekosistem Mesyuarat, Insentif, Persidangan, Pameran (*Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions, MICE*)
3. Perniagaan perkhidmatan wang – untuk pengendali pertukaran wang yang berurusan khususnya dengan pelancong ke dalam dan ke luar negeri
4. Institusi bina upaya yang ditubuhkan terutamanya untuk menyediakan kursus/latihan berkaitan pelancongan, dan dilesenkan oleh atau berdaftar dengan MoTAC (cth. Institut Latihan Pelancongan)
5. Perniagaan runcit, rekreasi dan kesihatan berkaitan pelancongan yang boleh membuktikan kebergantungan mereka yang besar terhadap pelancong

3. Bolehkah PKS atau perusahaan mikro memohon Kemudahan PTF daripada mana-mana bank?

- PKS dan perusahaan mikro boleh menghubungi dan membuat permohonan kepada 12 institusi kewangan peserta (IKP) yang berikut:
 - Affin Islamic Bank Berhad;
 - Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad;
 - AmBank Islamic Berhad;
 - Bank Islam Malaysia Berhad;
 - Bank Muamalat Malaysia Berhad;
 - Bank Simpanan Nasional;
 - CIMB Islamic Bank Berhad;
 - Hong Leong Bank Berhad;
 - Maybank Islamic Berhad;
 - Public Bank Berhad;
 - RHB Bank Berhad / RHB Islamic Berhad; dan
 - Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

4. Bagaimanakah PKS atau perusahaan mikro boleh memastikan bahawa mereka layak untuk memohon Kemudahan PTF?

- PKS dan perusahaan mikro dinasihati supaya menghubungi IKP untuk memastikan kelayakan mereka di bawah Kemudahan PTF. Semua permohonan pembiayaan akan tertakluk pada penilaian IKP.
- Penerima Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility, SRF*) atau Pembiayaan PKS PENJANA (*PENJANA SME Financing, PSF*) layak untuk memohon.
- Kini, di bawah PTF yang dipertingkat, PKS boleh menggunakan hingga 50% daripada jumlah pembiayaan PTF yang diperolehi untuk membiayai semula pembiayaan perniagaan sedia ada daripada institusi

kewangan dan sumber lain termasuk syarikat kredit/pemajakan, kecuali pinjaman perniagaan sedia ada di bawah Dana BNM untuk PKS.

5. Perlukah PKS atau perusahaan mikro menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah Kemudahan PTF?

- Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah Kemudahan PTF.

6. Apakah ciri-ciri dan kriteria Kemudahan PTF?

- Secara umumnya, PKS dan perusahaan mikro yang layak boleh mendapatkan pembiayaan di bawah PTF dengan syarat-syarat yang lebih baik iaitu kadar pembiayaan konsesi tidak lebih daripada 3.5% setahun (termasuk fi jaminan) dan tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman ke atas bayaran balik pokok dan faedah dalam tempoh tidak kurang daripada 6 bulan. Kemudahan PTF juga menyediakan opsyen untuk PKS dan perusahaan mikro membayar hanya faedah/keuntungan untuk tempoh tambahan selama 12 bulan.
- Selain daripada perkara di atas, 12 IKP ini menawarkan PTF dengan beberapa ciri yang berbeza, yang mungkin lebih sesuai bagi memenuhi keperluan PKS dan perusahaan mikro yang berbeza-beza. Misalnya, beberapa IKP menawarkan PTF dengan tempoh pembiayaan dan tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman yang lebih panjang. PKS dan perusahaan mikro digalakkan mencari pilihan pembiayaan terbaik yang dapat memenuhi keperluan pembiayaan mereka.
- PKS dan perusahaan mikro boleh merujuk Buku Kecil PTF untuk mendapatkan senarai ciri produk yang ditawarkan oleh 12 IKP tersebut.